

20,000 CCTV diperlukan pantau aliran trafik di KL

DBKL diberi tanggungjawab cari peruntukan, pasang dan buat pemantauan

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sekurang-kurangnya 20,000 kamera litar tertutup (CCTV) perlu dipasang bagi memantau keselamatan dan aliran trafik di sekitar ibu kota ini.

Perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Dan Kesesakan Jalan Raya (JKMCKJR) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di sini, semalam.

Ahmad Zahid berkata, ketika ini ada 5,000 CCTV dipasang di sekitar ibu kota bagi tujuan pemantauan trafik dan keselamatan, namun jumlah itu perlu ditambah menjelang Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Beliau berkata, JKMKJR juga berpendapat pemasangan 20,000 CCTV itu mesti dilaksanakan dan disertai semua agensi dan kementerian berkaitan.



Ahmad Zahid dan Anthony Loke melawat bilik kawalan ketika hadir mempengerusikan mesyuarat JKMKJR, semalam. (Foto BERNAMA)

“Kami berpendapat pemasangan CCTV ini tidak dilakukan secara silo atau satu agensi. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diberi tanggungjawab mencari peruntukan, memasang dan melakukan pemantauan tetapi JKMKJR mencadangkan kementerian, jabatan dan agensi lain turut dilibatkan, terutama bahagian siasatan jenayah dalam PDRM.

“Pada hemat kami, DBKL de-

ngan kerjasama jabatan dan agensi memerlukan sekurang-kurangnya 20,000 CCTV, ertinya dalam tempoh sekarang hingga RMK13, usaha ini mesti dilakukan,” katanya pada sidang media selepas mesyuarat JKMKJR di sini, semalam.

Mesyuarat yang diadakan di Pusat Info Trafik dan Kawalan Lampu Isyarat (KLCCC) DBKL itu turut disertai Menteri Pengerus, Anthony Loke serta

wakil agensi berkaitan termasuk DBKL serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Contohi bandar pintar

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, berkata 5,000 CCTV yang sedia ada ketika ini, berperanan membantu pemantauan lalu lintas sekitar pusat bandar raya, bencana banjir dan tumpahan konkrit.

Kamera itu turut digunakan untuk pemantauan jenayah serta kawalan berkonsepkan bandar selamat oleh PDRM.

“Kita belajar daripada bandar pintar dan bandar selamat di negara lain, dengan adanya CCTV pengecam wajah berdefinisi tinggi, kadar jenayah dapat diturunkan.

“Kadar kemalangan jalan raya dapat juga di kurangkan, juga pemantauan lain-lain aktiviti dapat dijalankan tanpa mengusik hak peribadi seseorang,” katanya.

Katanya, perkara itu dicadangkan sebagai antara langkah kepolisian moden yang perlu dilakukan bagi mengurangkan keberadaan pegawai dan anggota beruniform di lapangan.

Dalam mesyuarat yang sama, Ahmad Zahid berkata, jawatankuasa itu menyarankan supaya had laju maksimum di kawasan sekolah perlu dikurangkan kepada 30 kilometer sejam (km/j) berbanding kadar 40km/j sebelum ini.